

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Seperkara yang sangat menarik perhatian kita baru-baru ini, ialah langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia membentuk sebuah jawatankuasa yang terdiri dari pakar-pakar agama untuk mengkaji segala kesulitan mengenai mata pelajaran di sekolah-sekolah agama di seluruh wilayah dalam Malaysia ini. Jawatankuasa yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran En. Khir Johari itu, tugasnya selain dari mengkaji kesulitan-kesulitan mengenai mata pelajaran agama, juga dikehendaki membuat laporan bagaimana pelajaran di sekolah-sekolah agama sekarang ini boleh diperkemaskan lagi.

- Kita berharap pengumuman yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran berhubung dengan soal di atas tidak akan tinggal sebagai suatu pengumuman yang tidak akan dapat dilaksanakan.

\* \* \*

Satu lagi perkara penting yang telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran Malaysia dalam ucapannya merasmikan satu kongres agama di Klang tahun lalu, beliau mengatakan bahawa kementeriannya ingin untuk mengambil-alih pertadbiran sekolah-sekolah agama di seluruh Malaysia, guna untuk memberikan “nafas baru” kepada sekolah-sekolah tersebut.

Cadangan beliau itu telah disokong penuh oleh seluruh gabungan pelajar Islam di negeri ini; tetapi sayangnya, sewaktu cadangan tersebut dikemukakan kepada Majlis Agama Raja-raja Melayu, ia telah ditolak oleh pihak Majlis Agama Raja-raja Melayu itu.

- Mengapa Majlis Agama Raja-raja menolak cadangan yang sebaik dan sebagus itu? Kita berpendapat kerana cadangan tersebut adalah suatu cadangan yang besar yang tak akan terpikul oleh Majlis Agama Raja-raja Melayu. Sebab dalam majlis itu – pada masa sekarang ini – tidak ada pakar-pakar agama yang sanggup memikul bebanan yang seberat itu. Perkara tersebut patut sekali dipertanggungjawabkan kepada sebuah kementerian khas, iaitu Kementerian Agama. Tetapi sayangnya Kementerian Agama belum lagi diadakan oleh kerajaan Malaysia. Kita suka mengesyorkan supaya kerajaan Malaysia mengadakan Kementerian Agama yang sanggup bertanggungjawab penuh di dalam segala urusan yang mengenai agama – agama apa sahaja dalam Malaysia ini – terutamanya mengenai agama Islam; supaya selaras dengan Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia.

\* \* \*

Satu peristiwa sedih yang berlaku dalam bulan April yang lalu, yang mana kira juga turut sama merasakan kesedihannya, iaitu berita kematian Sutan Sjahrir – bekas Perdana Menteri Indonesia yang pertama, dan juga seorang pengasas negara Indonesia merdeka – peristiwa yang paling mengharukan dalam istiadat mengkebumikan jenazah almarhum itu, ialah ucapan dari Dr. Mohammad Hatta – bekas Naib President Indonesia dan juga teman seperjuangan yang paling rapat sekali dengan Sutan Sjahrir – yang mengatakan bahawa kematian Sutan Sjahrir adalah akibat dari

korban kezaliman, dan kezaliman itu masih ada lagi di Indonesia hari ini.

Selanjutnya Mohammad Hatta berkata: "Sjahrir telah menjadi seorang yang miskin dalam melaksanakan cita-cita pejuangannya; akhirnya ia meninggal dunia di negeri asing sebagai orang tahanan."

Dengan nada suara yang agak tertahan menahan kesedihan, Dr. Hatta meneruskan ucapannya dengan berkata: "Sjahrir telah ditangkap tanpa sesuatu sebab yang wajar atau tuduhan yang sah dalam satu keadaan yang sungguh-sungguh di luar perikemanusiaan. Sjahrir telah dituduh mengatur dan mengarahkan percubaan hendak membunuh President di Makassar, tetapi tuduhan itu tidak berasas sama sekali, dan saya sendiri telah membantah penangkapan itu, tetapi sesia belaka.

Lebih jauh dengan suara yang parau menahan air mata Dr. Hatta meneruskan ucapannya dengan berkata: "Sjahrir telah menjadi korban kezaliman, dan kezaliman itu masih berada lagi di tengah masyarakat kita semua di hari ini. Dari seorang ahli pidato, Sjahrir telah menjadi seorang yang bisu tidak dapat lagi berbicara. Dari seorang wartawan, beliau telah menjadi seorang yang kaku tangannya tidak lagi dapat menulis."

Kemudian Dr. Hatta mengajak rakyat yang beratus-ratus ribu menghadiri isitadat permakaman jenazah Sutan Sjahrir itu, supaya meneruskan perjuangan beliau menuntut keadilan dan kebenaran, sehingga cita-cita suci murni yang terkandung di dalam jiwa beliau akan tercapai dengan sepenuhnya.

Di akhirnya Doktor Hatta berkata: Sjahrir! Sehingga di sinilah kami menghantarkanmu wahai Sjahrir...! Ke tempat persemadianmu yang kekal abadi. Beristirehatlah

kau dengan aman dan selamat; semoga Tuhan Yang Maha Penyayang bersedia menerima roh dan jasadmu di tempat yang wajar untukmu sebagai seorang pejuang kemerdekaan yang ulung bagi negara dan bangsamu!"

- Kepada seumur para pembaca majalah Qalam yang membaca berita ini, kami mengharapkan agar sudi menghaddiahkan kepada roh almarhum Sutan Sjahrir sekali bacaan surah "Al-Fātiḥah".

\* \* \*

Rencana yang ditulis oleh saudara Ibnu Ariffin berjudul: "Badan-badan Islam Penting Membentuk Front Mubaligh", di dalam Berita Harian keluaran 15 April 1966, adalah sangat menarik perhatian kita. Perkara yang sangat menarik perhatian kita itu ialah tentang cadangan atau syor yang dikemukakan oleh penulis rencana itu sendiri supaya pertubuhan-pertubuhan Islam yang berada di seluruh tanah air yang sedang mempunyai tenaga-tenaga berpecah-belah itu dapat disatukan, dapat digembangkan dalam sebuah barisan atau sebuah front yang diberi nama "Barisan Penerangan Islam" atau pun dinamakan: "Front Mubaligh Islam".

- Kita berharap cadangan yang berharga ini mendapat perhatian penuh dan sambutan baik dari seluruh pertubuhan-pertubuhan Islam yang berada di sekitar tanah air. Kita juga menyambut baik tentang usul kedua yang dimajukan oleh Ibnu Ariffin, iaitu menganjurkan supaya Persatuan Bekas Pelajar Melayu Mesir – yang baharu dihidupkan kembali kira-kira dua bulan yang lalu – akan dapat memberikan tenaga kerjasama yang kuat untuk mempelopori pembentukan "Front Mubaligh Islam" yang dicadangkan itu. Kita juga memang satu

pendapat dengan saudara Ibnu Ariffin yang mengatakan memang sudah sewajarnyalah Persatuan Bekas Pelajar Melayu Mesir berdiri di barisan depan sekali untuk mempelopori dan bergerak menggembangkan seluruh tenaga persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan dakwah Islamiah yang sedang berpecah-belah di sekitar tanah air kita di hari ini.

\* \* \*

Meskipun telah ada kedengaran suara-suara bantahan yang dikemukakan oleh orang ramai terhadap babak cium yang akan dilakukan dalam filem Melayu ala James Bond “Jefri Zain dalam Gerak Kilat”, namun begitu En. Jaafar Abdullah Pegawai Penerangan Syarikat Shaw Brothers menegaskan bahawa adegan cium ini tidak dapat dibuang kerana sudah ada dalam skripnya. Walaupun ada bantahan-bantahan keras dari pihak yang tertentu meminta supaya filem itu diharamkan untuk ditayangkan di Malaysia, tetapi ianya tetap dibuat juga – tegas En. Abdullah lagi.

En. Jaafar membuat kenyataan ini berikut dengan

desakan dari seorang ahli Parlimen Malaysia En.

Ismail bin Idris dalam akhbar supaya filem James Bond Melayu buatan Singapura yang mengandungi babak-babak cium itu akan diharamkan untuk dibawa masuk ke Malaysia.

- Dalam soal ini kita bersefahaman dengan pendapat

En. Ismail bin Idris supaya filem tersebut

dilarang ditayangkan di Malaysia, sekalipun babak-babak cium dalam filem itu dilakukan oleh orang-orang yang bukan Melayu. Apa pula pendapat orang ramai dan para kritikus dari Pulau Singapura?

Semoga mereka juga bersepakat dengan kita supaya filem tersebut dikirim sahaja ke negeri-negeri

Barat untuk ditonton oleh mat-mat saleh yang

mempunya adat dan kebudayaan cium di dalam masyarakat mereka.



Sewaktu berada di Kota Suci Makkah Yang Berhormat Datuk Asri bin Haji Muda – Menteri Besar Kelantan – telah diberi kesempatan mengadap Duli Yang Maha Mulia Raja Faisal di istana baginda.